

UNTUK SIARAN SEGERA



## **MAJLIS PENUTUP NTW 2025: PENYERTAAN MELEBIHI SASARAN, 3.2 JUTA PENYERTAAN DIREKODKAN**

**IPOH, 21 Jun 2025 - Minggu Latihan Kebangsaan (National Training Week – NTW) 2025** melabuhkan tirainya hari ini dengan jumlah penyertaan melebihi sasaran, sebanyak 3.2 juta penyertaan direkodkan di seluruh Malaysia dan ASEAN, sepanjang penganjuran NTW 2025 bermula pada 14 hingga 21 Jun 2025.

Pada awalnya, NTW 2025 menyasarkan untuk menawarkan 65,000 kursus, menganjurkan 1,000 aktiviti L&D dan untuk menarik 1 juta penyertaan. Namun begitu, sambutan luar jangkaan berjaya dicatat dengan lebih 71,000 kursus ditawarkan dengan 1,010 aktiviti L&D berjaya dilaksanakan.

Sementara itu, sehingga 18 Jun 2025, negeri Perak sahaja telah mencatatkan lebih 170,000 penyertaan melalui 5,920 kursus dan aktiviti pembelajaran yang disediakan oleh 128 penyedia latihan.

Majlis penutup NTW 2025 anjuran Human Resource Development Corporation (HRD Corp) melalui Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) berlangsung di Pusat Konvensyen Ipoh (ICC) dan disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Saarani Mohamad, Menteri Besar Perak, diiringi oleh Datuk Azman Mohd Yusof, Ketua Setiausaha KESUMA.

Dalam ucapan perasmianya, YAB Dato' Seri Saarani Mohamad menyatakan bahawa perkembangan teknologi masa kini juga menuntut agar latihan dan

## **UNTUK SIARAN SEGERA**

pembangunan kemahiran dilaksanakan secara berterusan. Kita kini berada dalam era baharu yang menyaksikan tugas-tugas manual diambil alih oleh sistem automasi dan AI, lantas mengubah secara mendasar cara kita bekerja dan jenis kemahiran yang diperlukan oleh pasaran.

"Minggu Latihan Kebangsaan ini secara rasminya melabuhkan tirainya pada hari ini, namun semangat dan ilmunya tidak harus berakhir di sini," kata beliau.

"Apa yang lebih utama ialah permulaan kepada budaya kerja dan pemikiran baharu iaitu budaya yang meletakkan latihan dan ilmu sebagai nadi kemajuan negara dan negeri," tambahnya.

Datuk Azman Mohd Yusof, yang turut hadir di majlis tersebut, berkongsi bahawa NTW 2025 telah mencatatkan kejayaan luar biasa.

"Sepanjang minggu ini lebih 3.2 juta rakyat Malaysia telah mengikuti pelbagai bentuk latihan - secara fizikal dan dalam talian.

"Terdapat lebih daripada 71,000 latihan percuma ditawarkan oleh HRD Corp dan rakan strategik. Sebanyak 1,000 sesi latihan dan program kerjasama serta program berimpak tinggi telah dijalankan serentak di seluruh negara," katanya.

"Penganjuran NTW 2025 telah menerima dua anugerah daripada Malaysia Books of Records iaitu – Largest Educators Participation in AI Training Program dan Largest Students Participation in Industrial Skills Framework (IndSF) Training Modules," tambah beliau, sambil menyatakan bahawa pencapaian dan kejayaan ini jelas menunjukkan bahawa rakyat Malaysia dan rakyat di negara ASEAN bersedia untuk melangkah ke hadapan, membina masa depan yang lebih kompeten, versatil dan berdaya saing.

"Misi ini telah direalisasikan oleh jabatan jabatan dan agensi agensi KESUMA, terutama sekali HRD Corp, agensi yang dipertanggungjawabkan untuk menawarkan program upskilling dan reskilling kepada pekerja dan bakat negara menerusi skim levi majikan dan inisiatif inisiatif strategik yang lain," jelas beliau.

Sementara itu, program Jelajah Pembelajaran NTW 2025 yang berlangsung di pelbagai negeri seperti Johor, Pulau Pinang, Terengganu, Sarawak dan Sabah, berakhir dengan sambutan Majlis Penutup di ICC, hari ini.

## **UNTUK SIARAN SEGERA**

Majlis Penutup NTW 2025 turut menampilkan kelas latihan fizikal melibatkan lebih 1,000 peserta, termasuk Kursus Gunting Rambut Asas oleh Akademi Nimroc, Kursus Barista Asas oleh Kumpulan Kompas, Kursus CPR dan AED Asas oleh St. John Ambulance, Kursus Dekorasi Kek oleh Shen Jai Sdn Bhd dan Kursus Solekan serta Inai oleh Aishwarya Artistry & Bridal Academy.

Antara aktiviti menarik lain sempena majlis penutup ini ialah demonstrasi realiti maya (virtual reality - VR), kelas berasaskan AI, kelas dan demonstrasi asas dron, pertandingan e-sukan, kelas terrarium, kelas dan demonstrasi muzik, demonstrasi seni doodle dan batik, pameran batik dan pertandingan mewarna.

Pengunjung juga berpeluang mengikuti pelbagai forum, ceramah dan sesi kaunseling meliputi topik seperti penipuan dalam talian, pembangunan wanita, pengurusan kredit dan ceramah agama oleh Dato' Ustaz Kazim bin Elias.

Selain itu, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) turut menganjurkan carnival kerjaya MYFutureJobs yang menawarkan lebih 1,866 peluang pekerjaan daripada 17 majikan terkemuka meliputi 88 jawatan kosong untuk para pengunjung.

Majlis penutup NTW 2025 menandakan satu kejayaan penting, apabila acara tersebut secara rasmi tercatat dalam Malaysia Book of Records bagi Penyertaan Pelajar Terbesar dalam Kerangka Kerja Kemahiran Industri (IndSF). Dengan penyertaan yang memberangsangkan sebanyak 124,929 pelajar dari enam institusi pendidikan di Malaysia, termasuk 1,500 pelajar kelainan upaya (OKU), telah mengambil bahagian dalam modul latihan IndSF, mengukuhkan komitmen NTW terhadap pembangunan kemahiran industry dalam kalangan generasi muda. Enam institusi pendidikan terlibat adalah Government Industry TVET Coordination (GITC), UNIMAS, UNITEN, USM, UTHM dan UDeserved UiTM.

Pencapaian ini menandakan usahasama KESUMA dan HRD Corp dalam mentransformasikan pembangunan kemahiran di Malaysia dan ASEAN satu usaha yang berhasil, sejajar dengan Kepengerusian ASEAN oleh Malaysia dan ASEAN Year of Skills (AYOS) 2025. Dengan pencapaian bersejarah ini, NTW buat julung kalinya diperluas melangkaui sempadan negara untuk memberi peluang kepada seluruh warga ASEAN menyertai lebih 71,000 kursus latihan percuma.

## **UNTUK SIARAN SEGERA**

Bertemakan **Learning Beyond Borders**, NTW 2025 merupakan platform utama di bawah penganjuran AYOS 2025, bertujuan memperkukuh kerjasama serantau dalam usaha membentuk pembelajaran sepanjang hayat dan pembangunan kemahiran. Ia juga dianjurkan untuk menyediakan peluang pembelajaran berkualiti secara percuma kepada seluruh warga ASEAN sepanjang tahun 2025.

YAB Perdana Menteri Dato' Seri Anwar bin Ibrahim telah merasmikan pembukaan NTW 2025 pada 14 Jun 2025 di Stadium Nasional Bukit Jalil, Kuala Lumpur yang turut menyaksikan NTW 2025 mencipta sejarah dalam Malaysia Book of Records apabila merekodkan penyertaan terbesar guru dalam program latihan AI, melibatkan lebih 395,000 pendidik di seluruh negara dari 7 April hingga 12 Jun 2025.

Acara latihan percuma selama seminggu itu berlangsung hingga 21 Jun 2025 di seluruh ASEAN, meliputi kursus secara bersemuka, dalam talian dan hibrid, serta pelbagai aktiviti pembelajaran dan pembangunan (L&D) seperti sesi latihan, program kolaboratif dan program berimpak tinggi.

Walaupun tirai NTW dilabuhkan hari ini, namun kursus-kursus latihan akan kekal tersedia secara dalam talian sepanjang tahun ini, memberi peluang kepada warga Malaysia dan ASEAN untuk terus belajar mengikut keselesaan dan keperluan masing-masing melalui portal NTW.

Untuk maklumat lanjut mengenai NTW 2025 dan mengakses kursus latihan percuma, sila layari [www.nationaltrainingweek.gov.my](http://www.nationaltrainingweek.gov.my).

**-Tamat-**

## **UNTUK SIARAN SEGERA**

### **Mengenai HRD Corp**

Human Resource Development Corporation (HRD Corp), dahulunya dikenali sebagai Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM), telah ditubuhkan pada tahun 1993 dan kemudiannya diperbadankan sebagai Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) melalui penggubalan Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001.

Sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), HRD Corp bertanggungjawab terhadap pungutan levi dari industri utama serta pengeluaran geran latihan melalui mekanik dalamnya, Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) atau Human Resources Development Fund (HRDF).

Penjenamaan semula HRD Corp pada 2021 merupakan cerminan tanggungjawab, hala tuju dan misi organisasi yang baharu. Ini termasuklah memperluas usaha peningkatan kemahiran dan kemahiran semula oleh majikan untuk para pekerja ke arah produktiviti yang lebih mapan.

Pembaharuan ini bukan sahaja memberi manfaat kepada setiap individu warga Malaysia, malah turut memperkasakan komuniti yang memerlukan melalui peluang penajaan pendapatan yang lebih inklusif.

Transformasi ini sejajar dengan cita-cita HRD Corp untuk memacu aspirasi pengembangan tenaga kerja negara yang berkemahiran tinggi untuk jangka panjang.